

MEFETAB FILM-COATED TABLET

Mefenamic acid (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mefetab film-coated tablet
2. Bagaimana Mefetab film-coated tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mefetab film-coated tablet
4. Cara menggunakan Mefetab film-coated tablet
5. Semasa menggunakan Mefetab film-coated tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mefetab film-coated tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mefetab film-coated tablet

Ia digunakan untuk melegakan kesakitan jenis ringan sehingga sederhana seperti sakit gigi, sakit kepala, sakit selepas pembedahan, sakit selepas bersalin, senggugut (sakit haid) atau sakit reumatik (sakit yang disebabkan oleh inflamasi, bengkak pada sendi atau otot).

Bagaimana Mefetab film-coated tablet berfungsi

Mefetab film coated tablet mengandungi bahan aktif mefenamic acid yang tergolong dalam kumpulan ubat non-steroid anti-inflammatory drugs (NSAIDs). Ubat ini membantu mengurangkan kesakitan, keradangan dan menurunkan suhu badan.

Sebelum menggunakan Mefetab film-coated tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika alahan terhadap mefenamic acid dan ramuan-ramuan lain Mefetab film-coated tablet.
- Jika menghidapi penyakit ulser perut, pendarahan dan penyakit radang usus.
- mempunyai sejarah reaksi alahan (bengkak mata atau mulut, sesak nafas, ruam) kepada ubat-ubat penahan sakit yang serupa seperti aspirin, ibuprofen atau ubat NSAIDs yang lain.

- Sebelum mula menggunakan

- Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan.
- Jika anda pernah cirit-birit selepas makan ubat ini.
- Jika anda ada masalah dengan sel darah anda.
- Jika terdapat asma.
- Jika terdapat masalah hati atau buah pinggang.

- Jika mengalami sawan.
- Jika minum alkohol.

Sila merujuk kepada doktor anda sebelum mula menggunakan Mefetab film coated tablet jika anda hamil, atau merancang untuk hamil, menyusukan anak atau ingin menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan kesan risiko dan faedah penggunaan Mefetab film coated tablet ke atas anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan Mefetab film coated tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk ubat untuk menghentikan pembekuan darah (seperti warfarin dan heparin).

Cara menggunakan Mefetab film-coated tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Mefetab film-coated tablet tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 14 tahun. Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 14 tahun –500mg diikuti dengan 250mg setiap 6 jam jika perlu. Senggugut – 500mg tiga kali sehari, tidak melebihi 2 hingga 3 hari.

- Bila perlu diambil

Telan sepenuhnya Mefetab film coated tablet dengan segelas air bersama makanan. Mefetab film-coated tablet diambil mengikut arahan doktor. Jika tidak pasti, semak semula dengan doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi. Tempoh penggunaan Mefetab film coated tablet adalah tidak melebihi 7 hari berturut-turut.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal..

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang

kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sawan..

Semasa menggunakan Mefetab film-coated tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mefetab film coated tablet. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa yang mempunyai tanda-tanda penyakit yang serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan Mefetab film coated tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian segera. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang berikut:

- sakit dada
- najis yang hitam dan melekit
- Gangguan perut dan usus, pendarahan atau ulser pada perut dan usus, sakit kepala, mengantuk, loya atau muntah, gangguan penglihatan, ruam kulit atau gatal-gatal kulit, kegemuruhan, cirit-birit, telinga berdengung, muram, rasa sukar untuk tidur dan gangguan fungsi ginjal mungkin berlaku.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati sesuatu yang menyebabkan anda berasa tidak selesa. Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai di atas mungkin berlaku kepada sesetengah orang.
- Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers →Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Mefetab film-coated tablet

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bersalut bujur warna kuning, biconveks dan tertera P-P.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: mefenamic acid.
- Bahan tidak aktif: cornstarch, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, microcrystalline cellulose, dioctyl sodium sulfosuccinate, hydroxypropyl methylcellulose, talc, titanium dioxide, quinolone yellow lake, carbowax, simethicone, silicon dioxide dan air.

- Nombor MAL:

MAL19913254AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/11/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)131115/00421